



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



KIT LEXSSA MENINGKATKAN KEMAHIRAN BACAAN MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN

LEXSSA KIT IMPROVE READING SKILLS FOR STUDENT WITH DISABILITIES

Norleena Gutasan¹, Rojiah Saiwah Karim², Zoriffah Mohd Kudin³, Nor Jannah Hassan^{4*}

- ¹ SK Pekan Tamparuli, Tuaran, Sabah, Malaysia
Email: g-00274029@moe-dl.edu.my
- ² SMK Kudat, Sabah, Malaysia
Email: g-54248027@moe-dl.edu.my
- ³ Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud, Sabah, Malaysia
Email: g-92240013@moe-dl.edu.my
- ⁴ Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Malaysia
Email: g-00274956@moe-dl.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.02.2021
Revised date: 17.02.2021
Accepted date: 21.02.2021
Published date: 05.03.2021

To cite this document:

Gutasan, N., Karim, R. S., Kudin, Z. M., & Hassan, N. J. (2021). Kit LEXSSA Meningkatkan Kemahiran Bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran. *Journal of Modern Education*, 3(8), 149-166.

DOI: 10.35631/IJMOE.380013

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kit LEXSSA (Lebih Efektif X-Seronok Sesuai Aras Murid) dihasilkan untuk Murid Bermasalah Pembelajaran. Tujuannya membantu Murid Bermasalah Pembelajaran seperti murid Autisme, Disleksia, Slow Learner, Down Syndrome, dan Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD) menguasai kemahiran bacaan. Kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap penggunaan Kit LEXSSA sebagai bahan bantu belajar yang dapat menggalakkan pembelajaran aktif dan meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan dibentangkan dalam bentuk statistik deskriptif (frekuensi dan peratusan). Manakala, Kit LEXSSA dihasilkan melalui empat proses penyesuaian menggunakan Model PDCA dan telah dilaksanakan kepada Murid Bermasalah Pembelajaran di daerah Tuaran, Kudat dan Kota Belud. Dapatan awal mendapati Murid Bermasalah Pembelajaran tidak boleh membaca suku kata, perkataan, frasa dan ayat mudah tanpa bantuan guru. Hasil intervensi menggunakan Kit LEXSSA menunjukkan Murid Bermasalah Pembelajaran boleh membaca suku kata dan perkataan mudah secara sendiri. Dapatan fasa penilaian menunjukkan 95 peratus Murid Bermasalah Pembelajaran dapat membaca suku kata dan perkataan dengan Kit LEXSSA. Implikasi kajian ini membuktikan Kit LEXSSA dapat membantu meningkatkan kemahiran bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran. Disamping

itu, ia mudah digunakan, interaktif, menyenangkan, menarik minat, menggalakkan pembelajaran aktif Murid Bermasalah Pembelajaran dan kos penyediaan yang efektif.

Kata Kunci:

Kit LEXSSA, Kemahiran Bacaan, Murid Bermasalah Pembelajaran

Abstract:

The LEXSSA Kit (More Effective Xtra Fun Suitable for Student Levels) is produced for Students with Learning Disabilities. The aim of this research is to help students with Learning Disabilities such as students with Autism, Dyslexia, Slow Learner, Down Syndrome, and Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD) improve their reading skills. This study was conducted to observe the perception of Students with Learning Disabilities of using LEXSSA Kit as learning aids that can encourage active learning and improve the mastery of reading. The design of this research has used a survey method and presented in the form of descriptive statistics (frequency and percentage). Meanwhile, the LEXSSA Kit was produced through four adaptation processes using the PDCA Model and was implemented for Students with Learning Disabilities in the district of Tuaran, Kudat, and Kota Belud. Preliminary findings found that Students with Learning Disabilities unable to read simple syllables, words, phrases, and sentences without the help of a teacher. The result of the intervention using the LEXSSA Kit shows that Students with Learning Disabilities can read simple syllables and words independently. The finding of the assessment phase shows that 95 percent of Students with Learning Disabilities can read syllables and words using the LEXSSA Kit. The implication of this study proves that the LEXSSA Kit can help improve Students with Learning Disabilities' reading skills. It is easy to use, interactive, fun, engaging, encourages active learning among Students with Learning Disabilities, and cost-effective for teachers to use.

Keywords:

LEXSSA Kit, Reading Skills, Students with Learning Disabilities

Pengenalan

Dasar Pendidikan Kebangsaan Bab 3 Perkara 3.1.2 menekankan Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu bertujuan untuk melonjakkan pemerolehan dan kompetensi Bahasa Melayu pada semua peringkat pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Penyataan dasar ini disokong melalui pelaksanaan perancangan strategi dan pedagogi berkesan di bilik darjah secara menyeluruh termasuklah kepada murid berkeperluan khas. Pemartabatan Bahasa Melayu ini termasuklah meningkatkan keupayaan murid dalam bacaan, tulisan dan lisan. Membaca merupakan tumpuan utama dalam Tunjang Komunikasi yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran di semua peringkat pendidikan pra sekolah, rendah dan menengah. Membaca adalah asas utama bidang pengetahuan yang amat penting bagi membolehkan seseorang memperoleh pendidikan sepanjang hayat.

Menyedari kepentingan penguasaan kemahiran membaca dalam meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran ini perlu diajar dari peringkat awal dengan kaedah dan bahan sokongan yang sesuai (Zain, 2010). Menurut Saad dan Said (2015), sokongan bahan pembelajaran terutamanya bahan bantu belajar berbentuk visual 2D atau 3D mampu membantu kanak-kanak memberikan makna terhadap sesuatu kata. Manakala, kaedah bacaan berulang membantu meningkatkan kelancaran dan kefahaman murid (Musti-Roa, Hawkins & Barley, 2009; Zain, 2010). Kajian-kajian yang telah dijalankan ini membuktikan wajar satu kaedah dan bahan sokongan pembelajaran dihasilkan bagi mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid di seluruh peringkat persekolahan termasuklah murid berkeperluan khas terutamanya Murid Bermasalah Pembelajaran.

Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius usaha memastikan semua kanak-kanak di Malaysia dapat menguasai kemahiran asas bahasa terutamanya kemahiran membaca. Golongan berkeperluan khas juga tidak terkecuali. Golongan berkeperluan khas ini dirujuk berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) tahun 2013 yang menyatakan “murid berkeperluan pendidikan khas” adalah murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, atau ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, ketidakupayaan pembelajaran, atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan yang telah dinyatakan” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini istilah “Murid Bermasalah Pembelajaran” digunakan bagi mewakili Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Pembelajaran.

Latar Belakang

Murid Bermasalah Pembelajaran agak kompleks untuk dijelaskan (Fong, 2018). Ini kerana golongan ini mempunyai pelbagai kategori khusus seperti murid *Autisme*, *Disleksia*, *Slow Learner*, *Down Syndrome*, *Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD)* dan Pintar Cerdas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Setiap kategori murid mempunyai ciri-ciri keperluan pembelajaran yang berbeza. Misalnya, murid *Down syndrome* mempunyai lidah tebal, jari pendek dan lebar, penyakit telinga dan hidung, serta kognitif rendah. Manakala, murid *Autisme* tiada masalah fizikal tetapi mereka bermasalah komunikasi seperti ekolalia dan kerencatan bahasa, bermasalah sosio-emosi dan memerlukan rutin yang bercorak ritual. Murid *Autisme* juga bermasalah tingkah laku yang serius seperti tantrum, kompulsif melakukan tugas berulang-ulang, tidak fokus, mencederakan diri, suka menyendiri, masalah sensori (tidak suka disentuh) dan mempunyai pendengaran yang sangat sensitif. Murid ADHD pula tiada masalah fizikal namun mereka mengalami masalah biokimia. Masalah dalaman ini mencetuskan tindakan tingkahlaku tidak terkawal seperti tidak boleh duduk diam, tumpuan singkat, cepat lupa, masalah menunggu giliran dan kes impulsif. Ciri-ciri Murid Bermasalah Pembelajaran ini dijelaskan oleh pakar klinikal sebagai gangguan kepada proses pembelajaran mereka.

Menurut Jelas (2009) Murid Bermasalah Pembelajaran merujuk kepada murid yang mempunyai pelbagai masalah pembelajaran khususnya dari segi membaca, menulis dan mengira. Di samping itu, ciri-ciri Murid Bermasalah Pembelajaran juga termasuklah sukar mempelajari kemahiran dan mengikut arahan serta lemah dalam memberi tumpuan (Ali & Sahal, 2016). Khutty (2006) menjelaskan walaupun Murid Bermasalah Pembelajaran

mempunyai ciri-ciri yang mengganggu proses pembelajaran mereka, namun bukan berarti mereka tidak mampu belajar. Proses pembelajaran mereka boleh berjaya dengan kaedah pembelajaran yang berbeza dan pelbagai bantuan seperti modifikasi peralatan pembelajaran untuk memudahkan mereka memahami isi pembelajaran yang diajarkan. Proses pembelajaran mereka akan lebih bermakna sekiranya diberikan intervensi yang bersesuaian mengikut keperluan ketidakupayaan dan seterusnya dapat membantu meningkatkan daya tumpuan mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Haraway, 2012).

Pernyataan Masalah

Matlamat pembelajaran seseorang murid perlu disertai dengan pembelajaran yang berguna dan strategi yang bermotivasi (Chin & Yusoff, 2017). Namun, hakikatnya Murid Bermasalah Pembelajaran cepat bosan dan hilang tumpuan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Mereka mudah terganggu dengan rangsangan dari persekitaran. Keadaan ini memberikan impak yang negatif kepada pencapaian akademik golongan ini dan sudah pasti akan mengurangkan minat mereka untuk menguasai kemahiran membaca. Setyawan (2003) menyatakan kelemahan daya tumpuan Murid Bermasalah Pembelajaran adalah disebabkan perhatian yang mudah teralih daripada satu rangsangan ke rangsangan lain. Hal ini disebabkan kesukaran untuk mengamati dan menapis maklumat penting yang wujud daripada pelbagai rangsangan di persekitaran mereka. Gangguan seperti ini akan menjejaskan beberapa kemahiran belajar termasuklah mendengar dan menerima arahan. Menyedari hakikat kekangan yang perlu dihadapi oleh Murid Bermasalah Pembelajaran untuk menguasai kemahiran membaca ini, Jamian (2011) menekankan guru perlu mempelbagaikan teknik dan kaedah serta bahan bantu mengajar yang dapat membantu murid menguasai kemahiran dengan mudah. Malah, Haraway (2012) juga sependapat dengan menyatakan bahawa intervensi yang bersesuaian kepada murid akan membantu meningkatkan daya tumpuan mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Isu kelemahan penguasaan kemahiran bacaan ini adalah isu global. Ia bukan sahaja dihadapi oleh Murid Bermasalah Pembelajaran malah juga kepada murid tipikal. Malah kajian-kajian lepas telah membuktikan terdapat masalah dalam kalangan murid semua peringkat daripada pra sekolah, rendah dan menengah dalam menguasai kemahiran bacaan. Penyelidik-penyelidik dalam negara seperti Zain (2010), Jamian (2011), Puteh dan Ali (2011), Ahmad (2014), Ali dan Mahamod (2015), Monnas (2018), dan Is, Bacotang dan Mustafa (2018) telah menjelaskan dalam kajian mereka tentang masalah yang dihadapi murid dalam menguasai kemahiran bacaan dan kepentingan mempelbagaikan kaedah dan bahan sokongan seperti bahan bantu mengajar atau bahan bantu belajar yang dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian dalam negara ini disokong oleh kajian terkini di luar negara yang juga membincangkan isu kemahiran bacaan. Misalnya kajian terkini yang dilakukan oleh Cho, Compton, dan Josol (2020), dan kajian Virinkoski, Lerkkanen, Eklund dan Aro (2020). Kedua-dua kajian terkini ini menjelaskan kajian berterusan perlu dilaksanakan bagi mengkaji kepentingan penguasaan kemahiran Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap kemahiran bahasa dengan berfokus kepada idea mempelbagaikan kaedah dan bahan sokongan pembelajaran. Oleh itu, kajian penggunaan Kit LEXSSA bagi meningkatkan kemahiran bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran ini adalah relevan dengan keperluan semasa.

Sorotan Kajian

Kemahiran membaca sangat penting untuk dikuasai kerana ia merupakan asas kepada pemerolehan ilmu (Alhahdi, 2015). Walau bagaimanapun, kemahiran membaca merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai oleh murid terutamanya Murid Bermasalah Pembelajaran kerana memerlukan mereka merungkai kod-kod huruf berbentuk abstrak yang mungkin sangat mencabar bagi mereka (Cho, Compton & Josol, 2020). Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran asas bacaan terlebih dahulu. Hal ini ditegaskan oleh Goux, Gurgand dan Maurin (2017) yang menyatakan bahawa murid perlu terlebih dahulu menguasai kemahiran asas membaca sebelum menguasai kemahiran membaca. Tujuan pengajaran membaca adalah pemahaman, yang merupakan kemampuan yang kompleks, yang meliputi "konstruksi makna melalui konteks dan keterlibatan dengan bahasa bertulis" (Cadime, Rodrigues, Santos, Viana, Chaves-Sousa, do Céu Cosme & Ribeiro, 2017, hlm. 592). Pemahaman membaca memerlukan pengecaman kata (iaitu, penyahkodan), pemahaman bahasa, pembuatan inferensi, dan penyatuan maklumat (Cain & Oakhill, 2006; Kuhn, Schwanenflugel, Meisinger, Levy & Rasinski, 2010; Mancilla-Martinez & Lesaux, 2010). Beberapa contoh langkah biasa untuk menilai komposisi membaca adalah tugas membaca secara senyap (Oslund, Clemens, Simmons & Simmons, 2018), sama ada tugas menulis semula atau lisan (Bernfeld, Morrison, Sudweeks & Wilcox, 2013; Reed & Vaughn, 2012), dan tugas pepadanan gambar (García & Cain, 2014). Murid yang fasih dalam bacaan dapat mengenal pasti perkataan dalam teks tanpa sedar kerana penyahkodannya menjadi automatik (Meisinger, Bloom & Hynd, 2010; Wagner & Espin, 2015; Monnas, 2018). Ramai penyelidik bersetuju bahawa kefasihan membaca merangkumi ketepatan dan automatik penyahkodan (Hudson, Pullen, Lane & Torgesen, 2008; Kuhn et al., 2010; Meisinger et al., 2010), dan pemahaman membaca (Kim, Petscher & Foorman, 2015; Virinkoski et al., 2020). Kemahiran bacaan merangkumi ketepatan, kadar membaca, kefasihan membaca dan biasanya dilihat berdasarkan bilangan item yang dibaca dengan betul dalam had masa yang ditentukan (Hudson et al., 2008; Kuhn et al., 2010).

Dalam konteks pengajaran kemahiran bacaan bagi Murid Bermasalah Pembelajaran, penilaian berdasarkan persepsi guru terhadap tahap kemahiran murid adalah sangat penting bagi menyokong keputusan menentukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan ciri-ciri murid (Bailey & Drummond, 2006; Feinberg & Shapiro, 2009) yang memberikan kesan jangka panjang terhadap perkembangan kemahiran bacaan seterusnya peluang akademik masa hadapan (Paleczek, Seifert & Gasteiger-Klicpera, 2017). Guru memainkan peranan penting dalam menilai keperluan murid untuk mengenal pasti kesukaran literasi dan menyediakan sokongan yang disasarkan secara individu. Salah satu faktor utama dalam menguasai kemahiran bacaan adalah pengenalan kata secara langsung, yang berkembang melalui latihan, pengulangan, dan membaca pelbagai teks yang tekal/konsisten (Kuhn et al., 2010; Zain, 2010; Soodla, Tammik & Kikas, 2019). Menurut Jamian (2011), masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat untuk belajar dan mengakibatkan ketidakcekapan mereka menguasainya. Permasalahan membaca yang ada dalam diri murid adalah seperti keliru mengecam huruf besar dan huruf kecil semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan yang tidak diketahui makna atau gagal membunyikannya. Ini menimbulkan pola bacaan yang merangkak-rangkak dan pastinya menjadikan murid tidak memahami maklumat dan makna bahan bacaan tersebut.

Selain itu, murid juga lemah dan tidak berminat mencari maklumat yang terdapat dalam gambar rajah atau bahan rangsangan yang diberikan oleh guru. Berdasarkan faktor-faktor kelemahan dan kekuatan murid ini, guru perlu menyediakan bukan sahaja pendekatan pengajaran yang bersesuaian malah memerlukan kreativiti guru dalam menghasilkan bahan sokongan pembelajaran yang dapat menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Menurut Ali dan Sahal (2016), Murid Bermasalah Pembelajaran juga menunjukkan sikap yang mudah bosan dan hilang tumpuan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Mereka mudah terganggu dengan rangsangan dari persekitaran yang akan mengakibatkan perhatian mereka mudah terarah. Cara efektif dalam memastikan murid memberikan tumpuan semasa pengajaran dan pembelajaran adalah melalui latihan berulang (Dogru, 2014), latihan secara sendiri (Tan, 2012) dan memberikan intervensi yang bersesuaian mengikut ciri-ciri (Haraway, 2012) khususnya ciri-ciri Murid Bermasalah Pembelajaran yang pelbagai. Menurut Tan (2012) juga, aktiviti interaktif yang melibatkan murid dan bahan dapat merangsang murid menggunakan pelbagai deria untuk memanipulasikan bahan-bahan yang disediakan serta memberi peluang kepada mereka untuk mengalami pengalaman pembelajaran yang sebenar dan bermakna.

Sehubungan itu, penghasilan pelbagai bahan bantu mengajar dan belajar pada masa kini sangat relevan dengan keperluan pembelajaran murid khususnya Murid Bermasalah Pembelajaran. Gabungan bahan bantu belajar yang menarik dengan pendekatan pembelajaran yang berasaskan pengalaman, sendiri, dan belajar melalui permainan, serta menggalakkan berlakunya interaksi dan komunikasi, secara tidak langsung membantu meningkatkan motivasi, minat dan kecenderungan murid untuk belajar. Rangkuman daripada keperluan pembelajaran ini telah diaplikasikan dalam Kit LEXSSA yang dihasilkan khusus untuk meningkatkan kemahiran bacaan dalam kalangan Murid Bermasalah Pembelajaran.

Objektif Kajian

- (a) Untuk melihat persepsi Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap penggunaan Kit LEXSSA bagi meningkatkan minat dalam aktiviti kemahiran bacaan.
- (b) Untuk melihat persepsi Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap penggunaan Kit LEXSSA bagi menggalakkan pembelajaran interaktif dalam aktiviti kemahiran bacaan.
- (c) Untuk melihat persepsi Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap penggunaan Kit LEXSSA bagi meningkatkan penguasaan dalam kemahiran bacaan.

Metodologi Kajian


Terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah ini sesuai dengan objektif kajian iaitu untuk melihat persepsi Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap penggunaan Kit LEXSSA dalam membantu menguasai kemahiran bacaan. Konting (2005), menjelaskan bahawa kajian tinjauan adalah suatu bentuk pendekatan kajian yang menerangkan keadaan yang berlaku. Kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu soal selidik maklum balas berdasarkan ujian bacaan. Data kajian yang dikumpul melalui set soal selidik dan ujian bacaan, diproses serta dianalisis dengan menggunakan *Microsoft Office 365*. Hasil kajian dibentangkan

dalam bentuk statistik deskriptif menggunakan frekuensi dan peratusan. Set soal selidik maklum balas murid dilaksanakan sebagai ujian pra (sebelum) dan ujian pos (selepas) penggunaan Kit LEXSSA bagi melihat perbezaan persepsi murid sama ada terdapat perubahan positif atau sebaliknya. Soal selidik digunakan bagi memudahkan kutipan data dalam kalangan Murid Bermasalah Pembelajaran dengan bantuan guru dan pembantu pengurusan murid. Menurut Overton (2012), Murid Bermasalah Pembelajaran tidak mampu untuk membuat penilaian sendiri, mereka memerlukan orang lain menilai perkembangan mereka. Oleh itu, maklum balas murid dapat dilihat melalui instrumen soal selidik yang disediakan dan ditandakan oleh guru dan pembantu pengurusan murid semasa murid melaksanakan ujian bacaan menggunakan Kit LEXSSA. Kaedah ini boleh membantu penyelidik menilai tindak balas murid terhadap aktiviti yang dilaksanakan terhadap mereka.

Kit LEXSSA pula dihasilkan menggunakan model PDCA (Deming, 2017) yang mengetengahkan empat (4) fasa iaitu perancangan (*Plan*), Penghasilan (*Do*), Penilaian (*Check*), dan Tindakan (*Act*). Kit LEXSSA mengandungi tujuh item yang boleh digunakan bersama dalam sesuatu sesi pembelajaran murid. Murid Bermasalah Pembelajaran mempunyai banyak pilihan bahan bantu belajar bagi mengelakkan cepat bosan. Proses penghasilan dan contoh Kit LEXSSA masing-masing ditunjukkan dalam rajah 1 dan rajah 2 di bawah.



Rajah 1: Proses Penghasilan Kit LEXSSA Menggunakan Model PDCA Edward Deming (2017)



Rajah 2: Kit LEXSSA Mengandungi Tujuh (7) Item.

Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada 200 orang Murid Bermasalah Pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang dipilih secara bertujuan. Responden dipilih daripada sebuah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah yang berada dalam tiga buah daerah iaitu Tuaran, Kota Belud dan Kudat. Murid Bermasalah Pembelajaran yang dipilih secara bertujuan terdiri daripada pelbagai kategori seperti *Autisme*, *Disleksia*, *Slow Learner*, *Down Syndrome*, dan *Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD)* yang mewakili dua kumpulan umur murid iaitu umur 7-12 tahun dan umur 13-18 tahun. Taburan keseluruhan bilangan murid mengikut daerah ialah daerah Tuaran seramai 60 orang, daerah Kudat seramai 55 orang dan daerah Kota Belud seramai 85 orang.

Prosedur Penganalisisan Data

Data daripada soal selidik telah dianalisis menggunakan *Microsoft excel* untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan bagi setiap item yang dikaji. Soal selidik merangkumi maklumat yang diperlukan untuk menjawab objektif kajian merangkumi Bahagian A: Latar Belakang Murid, Bahagian B: Minat Membaca, Bahagian C: Pembelajaran Interaktif dan Bahagian D: Tahap Penguasaan Kemahiran Bacaan dan Ujian Bacaan. Intervensi kemahiran bacaan menggunakan Kit LEXSSA dijalankan selama tiga (3) bulan dengan melihat kepada ujian pra dan pos. Perolehan dan kutipan data adalah dengan bantuan guru pendidikan khas dan pembantu pengurusan murid di tiga buah daerah berkenaan. Bagi tujuan menentukan tahap persetujuan responden terhadap keberkesanan penggunaan Kit LEXSSA yang dihasilkan, pengkaji merujuk kepada Prinsip Persetujuan Skor Min Peratusan seperti berikut.

Jadual 1: Peratus Persetujuan Skor Min Peratusan

Peratus Persetujuan	Tahap Persetujuan	Tindakan Pada Item
80 - 100	Tinggi	Kekalkan
60 - 79	Sederhana	Ubahsuai
0 - 59	Tiada Persetujuan	Singkirkan

Sumber: Hamzah, Idris, Abdullah, Abdullah, & Muhammad (2015) dan Lim (2007)

Jadual 1 menjelaskan sekiranya peratus kumulatif item yang dikaji mencapai peratus persetujuan antara 80 hingga 100 peratus, iaitu tahap persetujuan tinggi maka bahan yang dihasilkan memberikan impak yang positif kepada pengguna dan boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran. Seterusnya, peratus kumulatif antara 60 hingga 79 peratus, iaitu tahap persetujuan sederhana menunjukkan bahan yang dihasilkan perlu dikaji semula dan perlu menjalani proses penambahbaikan. Manakala, sekiranya peratus kumulatif berada pada 0 hingga 59 peratus bererti bahan yang dihasilkan tidak sesuai digunakan dan tidak memberikan sebarang impak positif kepada pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran.

Analisis Kajian Dan Dapatan Kajian

Analisis dan dapatan kajian akan ditunjukkan dan dijelaskan berdasarkan objektif kajian seperti di bawah.

Responden Kajian

Jadual 2 menunjukkan bilangan keseluruhan responden kajian seramai 200 orang Murid Bermasalah Pembelajaran yang dipilih secara bertujuan. Responden ini terdiri daripada 60 orang (30%) Murid Bermasalah Pembelajaran dari daerah Tuaran, 55 orang (27.5%) daripada daerah Kudat dan 85 orang (42.5%) dari daerah Kota Belud. Manakala, 60 orang (30%) murid berumur antara 7 hingga 12 tahun dan 140 orang (70%) murid berumur antara 13 hingga 18 tahun. Responden juga terdiri daripada 135 orang (67.5%) murid lelaki dan 65 orang (32.5%) murid perempuan.

Jadual 2: Responden Kajian Mengikut Daerah, Jantina Dan Umur

Jantina	Tuaran (7 – 12 tahun)	Kudat (13-18 tahun)	Kota Belud (13-18 tahun)	Jumlah (ikut Jantina)
Lelaki	45 (22.5%)	45 (22.5%)	45 (22.5%)	135 (67.5%)
Perempuan	15 (7.5%)	10 (5.0%)	40 (20.0%)	65 (32.5%)
Jumlah (ikut Daerah)	60 (30.0%)	55 (27.5%)	85 (42.5%)	200 (100.0%)

Analisis Dapatan Kajian

Dapatan kajian diperolehi menerusi instrumen soal selidik maklum balas yang dijalankan ke atas Murid Bermasalah Pembelajaran dengan bantuan guru dan pembantu pengurusan murid. Analisis terhadap data serta maklumat yang diperolehi dihuraikan mengikut susunan objektif yang telah ditetapkan. Pelaksanaan ujian pra dan ujian pos melibatkan ujian bacaan kepada Murid Bermasalah Pembelajaran sebelum dan selepas penggunaan Kit LEXSSA. Persepsi Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap KIT LEXSSA sebagai bahan bantu belajar dinilai menggunakan borang maklum balas berbentuk soal selidik.

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan ujian pra dan ujian pos berkaitan persepsi minat bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran sebelum dan selepas intervensi menggunakan Kit LEXSSA. Penilaian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu, tiada persetujuan (0-59%), persetujuan sederhana (60-79%), dan persetujuan tinggi (80-100%). Dapatan analisis secara keseluruhannya menunjukkan ujian pra terhadap minat Murid Bermasalah Pembelajaran adalah pada tahap tiada persetujuan (28.5%) sebelum intervensi menggunakan Kit LEXSSA, manakala dalam ujian pos menunjukkan minat Murid Bermasalah Pembelajaran pada tahap persetujuan tinggi (81.0%) selepas intervensi menggunakan Kit LEXSSA. Persetujuan tinggi (81.0%) pada ujian pos menunjukkan impak positif penggunaan Kit LEXSSA sebagai intervensi dalam meningkatkan minat Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap kemahiran bacaan. Objektif kajian 1 dibentangkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Persepsi Minat Bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran

Daerah/Persepsi MBK	Ujian Pra (Kekerapan & Peratus)			Ujian Pos (Kekerapan & Peratus)		
	Tidak Minat	Tidak Pasti	Minat	Tidak Minat	Tidak Pasti	Minat
Tuaran	20 (33.3%)	15 (25.0%)	25 (42.0%)	7 (12.0%)	3 (5.0%)	50 (83.3%)

Kudat	28 (51.0%)	15 (27.3%)	12 (22.0%)	7 (13.0%)	6 (11.0%)	42 (76.4%)
Kota Belud	40 (47.1%)	25 (29.4%)	20 (24.0%)	6 (7.1%)	9 (11.0%)	70 (82.4%)
Jumlah Keseluruhan	88 (44.0%)	55 (27.5%)	57 (28.5%)	20 (10.0%)	18 (9.0%)	162 (81.0%)

Seterusnya, Jadual 4 menunjukkan ujian pra dan ujian pos berkaitan persepsi terhadap tingkah laku interaktif Murid Bermasalah Pembelajaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sebelum dan selepas intervensi menggunakan Kit LEXSSA. Penilaian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu, tiada persetujuan (0-59%), persetujuan sederhana (60-79%), dan persetujuan tinggi (80-100%). Dapatan analisis secara keseluruhannya menunjukkan ujian pra terhadap tingkah laku interaktif Murid Bermasalah Pembelajaran adalah pada tahap tiada persetujuan (24.5%) sebelum intervensi menggunakan Kit LEXSSA, manakala dalam ujian pos menunjukkan tingkah laku interaktif Murid Bermasalah Pembelajaran pada tahap persetujuan sederhana (75.5%) selepas intervensi menggunakan Kit LEXSSA. Persetujuan sederhana (75.5%) pada ujian pos menunjukkan impak positif yang sederhana terhadap penggunaan Kit LEXSSA sebagai intervensi dalam merangsang tingkah laku interaktif Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap kemahiran bacaan. Tahap persetujuan sederhana menunjukkan Kit LEXSSA perlu menjalani proses penambahbaikan dan penyesuaian berdasarkan keperluan khusus Murid Bermasalah Pembelajaran. Objektif kajian 2 dijelaskan dalam Jadual 4 dibawah.

Jadual 4: Persepsi Terhadap Tingkah Laku Interaktif Murid Bermasalah Pembelajaran Semasa Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran

Daerah/Persepsi MBK	Ujian Pra (Kekerapan & Peratus)			Ujian Pos (Kekerapan & Peratus)		
	Tidak Aktif	Tidak Pasti	Aktif	Tidak Aktif	Tidak Pasti	Aktif
Tuaran	28 (14.0%)	15 (7.5%)	17 (8.5%)	8 (4.0%)	5 (2.5%)	47 (23.5%)
Kudat	28 (14.0%)	17 (8.5%)	10 (5.0%)	14 (7.0%)	3 (1.5%)	38 (19.0%)
Kota Belud	43 (21.5%)	20 (10.0%)	22 (11.0%)	15 (7.5%)	4 (2.0%)	66 (49.5%)
Jumlah Keseluruhan	99 (49.5%)	52 (26.0%)	49 (24.5%)	37 (18.5%)	12 (6.0%)	151 (75.5%)

Selanjutnya, Jadual 5 menunjukkan ujian pra dan ujian pos yang melibatkan ujian bacaan untuk melihat berkaitan tahap pencapaian kemahiran bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran sebelum dan selepas intervensi menggunakan Kit LEXSSA. Penilaian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu, tiada persetujuan (0-59%), persetujuan sederhana (60-79%), dan persetujuan tinggi (80-100%). Dapatan analisis secara keseluruhannya menunjukkan ujian pra terhadap tahap pencapaian kemahiran bacaan adalah pada tahap tiada persetujuan (44.5%) sebelum intervensi menggunakan Kit LEXSSA, manakala dalam ujian pos menunjukkan tahap pencapaian kemahiran bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran pada tahap persetujuan sederhana (75.5%) selepas intervensi menggunakan Kit LEXSSA. Persetujuan sederhana (75.5%) pada ujian pos menunjukkan impak positif yang sederhana terhadap penggunaan Kit LEXSSA sebagai intervensi tahap pencapaian kemahiran bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran. Tahap persetujuan sederhana menunjukkan Kit LEXSSA perlu menjalani proses penambahbaikan dan penyesuaian berdasarkan keperluan khusus Murid Bermasalah Pembelajaran. Terdapat perbezaan persepsi yang tinggi dalam kalangan Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap tingkah laku interaktif semasa sesi ujian bacaan dijalankan. Murid Bermasalah Pembelajaran menunjukkan tindak balas kurang aktif semasa sesi pembelajaran tanpa Kit LEXSSA iaitu hanya 49 peratus memberikan tindak balas aktif berbanding semasa Murid Bermasalah Pembelajaran melaksanakan ujian bacaan menggunakan Kit LEXSSA, peratus tingkah laku aktif atau interaktif murid adalah mencapai 75 peratus. Ini menunjukkan penggunaan Kit LEXSSA mampu mengubah tingkah laku Murid Bermasalah Pembelajaran terhadap aktiviti bacaan daripada kurang aktif kepada lebih aktif dan interaktif. Objektif 3 dibentang dalam Jadual 5 dibawah.

Jadual 5: Tahap Pencapaian Kemahiran Bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran

Daerah/Persepsi MBK	Ujian Pra (Kekerapan & Peratus)			Ujian Pos (Kekerapan & Peratus)		
	Lemah	Sederhana	Baik	Lemah	Sederhana	Baik
Tuaran	20 (33.3%)	15 (25.0%)	25 (42.0%)	8 (13.3%)	5 (8.33%)	47 (78.3%)
Kudat	26 (13.0%)	13 (6.5%)	16 (8.0%)	14 (26.0%)	3 (6.0%)	38 (69.1%)
Kota Belud	25 (42.0%)	12 (22.0%)	48 (24.0%)	15 (18.0%)	4 (5.0%)	66 (78.0%)
Jumlah Keseluruhan	71 (35.5%)	40 (20.0%)	89 (44.5%)	37 (18.5%)	12 (6.0%)	151 (75.5%)

Perbincangan Dan Cadangan Kajian Seterusnya

Dapatan yang diperoleh daripada kajian ini dapat menjelaskan bahawa Murid Bermasalah Pembelajaran memerlukan pelbagai bahan bantu belajar untuk membantu meningkatkan keupayaan mereka untuk belajar. Selain itu, Murid Bermasalah Pembelajaran juga memerlukan modifikasi dan akomodasi dalam teknik dan strategik pengajaran dan pembelajaran. Melalui

Kit LEXSSA, murid dilihat lebih berminat dengan kepelbagaian bahan bantu yang terdapat dalam kit ini. Penekanan kepada aktiviti yang melibatkan murid secara aktif membolehkan mereka mengikuti pembelajaran dengan seronok dan mampu mendorong mereka berinteraksi (Masran & Kasim, 2014; Hassan, 2018) menerusi penyediaan bahan bantu belajar yang sesuai dengan persekitaran mereka (Crosser, 2005; Hassan, 2018). Melalui permainan seperti roda suku kata, teleskop pintar, catur perkataan dan lagu-lagu ayat mudah pastinya dapat meningkatkan semangat kerjasama antara kumpulan dan meningkatkan keyakinan diri Murid Bermasalah Pembelajaran. Secara tidak langsung dapat menimbulkan minat, lebih interaktif dan motivasi dalam diri mereka dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran bacaan. Menerapkan pendekatan dan teknik bermain semasa menggunakan Kit LEXSSA akan meningkatkan minat, motivasi murid dan pencapaian mereka dalam kemahiran bacaan. Kaedah bermain adalah sesuai dengan fitrah kanak-kanak. Morrison (2009) menjelaskan pembelajaran yang bermakna meliputi kurikulum dan persekitaran yang menyokong kanak-kanak bersemangat dan menambah minat ke arah pembelajaran itu sendiri. Ini kerana situasi pembelajaran yang mengembirakan dan seronok akan dapat membantu murid belajar dengan lebih cepat dan berkesan.

Kajian ini memberikan implikasi positif dalam membantu guru menjana idea bagi mempelbagaikan strategi pengajaran berbantuan bahan bantu belajar yang bersesuaian dengan ciri-ciri murid. Melalui kajian seperti ini guru dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan memikirkan idea kreatif yang dapat membantu menyelesaikan atau mengurangkan kekangan. Disamping itu, ia juga dapat menyokong pembelajaran dan tindakan penambahbaikan berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya untuk Murid Bermasalah Pembelajaran. Murid akan mudah bosan dengan gaya pengajaran yang sama dan kesannya mereka akan hilang motivasi dan tumpuan untuk mendengar dan belajar dalam waktu yang panjang. Murid kemudiannya akan cenderung untuk melakukan tingkahlaku-tingkahlaku disruptif yang tidak diingini. Pengkaji berpendapat Kit LEXSSA dapat membantu guru meningkatkan minat murid dalam menguasai kemahiran membaca serta dapat membantu dalam mengatasi kawalan kelas yang lemah. Di samping itu, murid dapat belajar sambil bermain dan guru juga dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih seronok dan interaktif.

Menurut Zain (2010), membaca merupakan intipati dalam pembelajaran dan satu kemahiran penting yang perlu diajar oleh semua guru di peringkat pra sekolah hinggalah ke peringkat menengah. Pembelajaran tidak dapat berlaku dengan sempurna sekiranya murid tidak menguasai kemahiran bacaan. Oleh itu, guru perlu lebih kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran mahupun dalam menghasilkan bahan-bahan pembelajaran untuk menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan. Guru-guru perlu mengemaskini pengetahuan mereka berkaitan perkembangan terkini terutamanya perkembangan teknologi agar dapat memanfaatkan kemajuan yang ada dalam meningkatkan kualiti pendidikan khususnya kepada Murid Bermasalah Pembelajaran. Sehubungan itu, program-program latihan bagi membantu guru mengembangkan idea dalam penghasilan bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan perlu dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkaitan. Guru-guru perlu diberikan pendedahan, pengalaman, kefahaman, dan pengetahuan lebih luas tentang amalan pembelajaran yang menyeronokkan agar mereka dapat menghasilkan lebih banyak bahan pembelajaran yang berkesan dengan menggunakan teknologi terkini.

Rumusan

Memahami konsep dan elemen dalam pengajaran dan pembelajaran membolehkan guru menyedari aspek yang perlu diberi tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan cara ini pengajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Salah satu elemen dalam pengajaran ialah perlunya objektif pengajaran bagi membolehkan guru merancang dan mengajar ke arah pencapaian objektif berkenaan. Begitu juga dalam penghasilan sesuatu bahan bantu belajar untuk murid, kreativiti guru diperlukan dalam menghasilkan bahan yang bukan sahaja sesuai dengan tahap dan keupayaan murid khususnya Murid Bermasalah Pembelajaran, malah ianya perlu menarik minat murid, interaktif, menggalakkan pembelajaran aktif dan kos penyediaan yang efektif. Penghasilan Kit LEXSSA ini merupakan suatu inisiatif guru dalam mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran dengan mengabungkan kaedah konvensional dan terkini. Kaedah terkini banyak mengaplikasikan pendekatan konstruktivisme yang memberi peluang kepada murid berdikari, belajar secara sendiri, mencari maklumat yang relevan, dan menyelesaikan masalah dengan bimbingan guru yang minimum. Kajian ini merupakan suatu usaha dan amalan positif yang seharusnya dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan penyampaian ilmu kepada Murid Bermasalah Pembelajaran sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan murid. Meskipun analisis data daripada penilaian murid tidak menunjukkan tahap tinggi bagi semua item yang dikaji, namun pencapaian pada tahap tinggi dan sederhana pada semua item menjelaskan kesesuaian dan kebolegunaan bahan Kit LEXSSA sebagai bahan bantu belajar. Kit LEXSSA hanya memerlukan sedikit pengubahsuaian dan akomodasi mengikut jenis ketidakupayaan Murid Bermasalah Pembelajaran. Ini kerana adalah mustahil atau keberangkalian yang kecil untuk satu pendekatan, strategik, teknik dan bahan bantu yang dapat memenuhi semua keperluan pembelajaran untuk semua kategori ketidakupayaan murid. Kit LEXSSA sesungguhnya dapat membantu meningkatkan fokus dan tumpuan pembelajaran murid seterusnya berjaya meningkatkan minat dalam aspek bacaan. Selain itu, isi kandungan Kit LEXSSA sesuai digunakan untuk pelbagai tahap keupayaan dalam satu-satu masa. Murid boleh bermain sambil belajar dalam kumpulan besar, kumpulan kecil mahupun secara sendiri. Sesi pengajaran dan pembelajaran yang interaktif akan mewujudkan pembelajaran yang lebih bermakna. Kajian ini boleh ditambahbaik dengan pengaplikasian Kit LEXSSA menggunakan elemen IR4.0 disamping menyediakan kemahiran yang lebih sukar dan lebih mencabar sesuai dengan tahap keupayaan murid yang pelbagai.

Rujukan

- Ahmad, N. A. (2014). Mengintegrasikan Teknologi Komunikasi dan Maklumat sebagai Media Pengajaran Bahasa dalam Kalangan Kanak-kanak Awal Umur. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, ISSN: 2180-4842. 4(2), 36-43, <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/viewFile/80/80>. (11 November 2020)
- Ali, A., & Mahamod, Z. (2015). Analisis Keperluan Terhadap Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain bagi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-kanak Prasekolah, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JuKu)*, 3(1), 1-8, <https://juku.um.edu.my/article/view/8138> (03 November 2020)
- Ali, M. M., & Sahal, N. (2016). Intervensi Meningkatkan Tumpuan dalam Pembelajaran Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 1-6. <https://ejournal.ukm.my/jpend/article/view/14002>. (09 Januari 2021)

- Alnahdi, G. H. (2015). Teaching Reading for Students with Intellectual Disabilities: A Systematic Review, *International Education Studies*, 8(9), 79-87. Published by Canadian Center of Science and Education, ISSN 1913-9020, E-ISSN 1913-9039. <http://dx.doi.org/10.5539/ies.v8n9p79> (11 November 2020)
- Bailey, A. L., & Drummond, K. V. (2006). Who is at Risk and Why? Teachers' Reasons for Concern and Their Understanding and Assessment of Early Literacy. *Educational Assessment*, 11(3), 149–178. https://doi.org/10.1207/s15326977ea1103&4_2 (23 Desember 2020)
- Bernfeld, L. E. S., Morrison, T. G., Sudweeks, R. R., & Wilcox, B. (2013). Examining Reliability of Reading Comprehension Ratings of Fifth Grade Students' Oral Retellings. *Literacy Research and Instruction*, 52(1), 65–86. <https://doi.org/10.1080/19388071.2012.702187> (19 Desember 2020)
- Cadime, I., Rodrigues, B., Santos, S., Viana, F. L., Chaves-Sousa, S., Do Céu Cosme, M., & Ribeiro, I. (2017). The Role of Word Recognition, Oral Reading Fluency and Listening Comprehension in the Simple View of Reading: A Study in an Intermediate Depth Orthography. *Reading and Writing*, 30(3), 591–611. <https://doi.org/10.1007/s11145-016-9691-3> (19 Desember 2020)
- Cain, K., & Oakhill, J. (2006). Assessment Matters: Issues in the Measurement of Reading Comprehension. *British Journal of Educational Psychology*, 76(4), 697–708. <https://doi.org/10.1348/000709905X69807> (19 Desember 2020)
- Chin, R., & Yusoff, N. (2017). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa untuk Menguasai Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Pemulihan Khas, *Proceeding of International Conference on the Scholarship of Teaching and Learning (ICSOT)*, 4-5 April, <http://repo.uum.edu.my/22548/1/ICSOTL%202017%2035%2047.pdf> ISBN: 978-983-42061-4-7 (12 November 2020)
- Cho, E., Compton, D.L., & Josol, C. K. (2020). Dynamic Assessment as a Screening Tool for Early Identification of Reading Disabilities: A Latent Change Score Approach, *Journal of Reading and Writing*, 33, 719–739, <https://doi.org/10.1007/s11145-019-09984-1> (20 Desember 2020)
- Crosser, S. (2005). *What Do We Know About Early Childhood Education? Research Based Practice*. New York: Thomson Delmar Learning. <http://www.delmarlearning.com/companions/content/1401850618/downloads/CrosserOnlineCompanion.pdf> (12 Januari 2021)
- Deming, W. E. (2017). PDCA (Plan, Do, Check, Act): Continually Improving, in a Methodical Way. The Edward Deming Institute. https://www.mindtools.com/pages/article/newPPM_89.htm (01 Ogos 2020)
- Dogru, S. Y. (2014). The Efficacy of Attention Training on up Skilling the Children's Ability to Notice Details and Attention Focusing Skills. *International Journal of Academic Research*, 6(1), 143-149. https://www.researchgate.net/publication/271025153_The_efficacy_of_attention_training_on_upskilling_the_children's_ability_to_notice_details_and_attention_focusing_skills (21 October 2020)
- Feinberg, A. B., & Shapiro, E. (2009). Teacher Accuracy: An Examination of Teacher-based Judgments of Students' Reading with Differing Achievement Levels. *The Journal of Educational Research*, 102(6), 453–462. <https://doi.org/10.3200/JOER.102.6.453-462> (23 Desember 2020)

- Fong, C. E. (2018). Dari Pendidikan Khas ke Pendidikan Pemulihan: Dua Program Masalah Pembelajaran. *Analitika*, 10(1), 46-53. ISSN 2085-6601 (Print) ISSN 2502-4590 (Online), <http://ojs.uma.ac.id/index.php/analitika> (01 January 2021)
- García, J. R., & Cain, K. (2014). Decoding and Reading Comprehension: A Meta-analysis to Identify Which Reader and Assessment Characteristics Influence the Strength of the Relationship in English. *Review of Educational Research*, 84 (1), 74–111. <https://doi.org/10.3102/0034654313499616> (23 Desember 2020)
- Goux, D., Gurgand, M., & Maurin, E. (2017). Reading Enjoyment and Reading Skills: Lessons from an Experiment with First Grade Children. *Journal of Labour Economics*, 45, 17-25. <http://dx.doi.org/10.1016/j.labeco.2016.09.007> (19 Desember 2020)
- Hamzah, M. S. G., Idris, N., Abdullah, S. K., Abdullah, N., & Muhammad, M. M. (2015). Development of the Double Layer Rubric for the Study on the Implementation of School-based Assessment Among Teachers, *US-China Education Review*, 5(4), 245-256. https://www.academia.edu/12324510/US_China_Education_Review_2015_4B (13 Februari 2020)
- Haraway, D. L. (2012). Monitoring Students with ADHD within the TI Framework. *Behavior Analyst Today*, 13(2), 17-21. <https://eric.ed.gov/?id=EJ1004993> (11 November 2020)
- Hassan, N. J. (2018). Pembangunan dan Pengujian Modul Pengajaran Matematik Tajuk Pecahan untuk Murid Berkeperluan Khas Penglihatan Tahun Empat. Thesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Hudson, R. F., Pullen, P. C., Lane, H. B., & Torgesen, J. K. (2008). The Complex Nature of Reading Fluency: A Multi-dimensional View. *Reading & Writing Quarterly*, 25(1), 4–32. <https://doi.org/10.1080/10573560802491208> (23 Desember 2020)
- Isa, Z. M., Bacotang, J., & Mustafa, M. C. (2018). Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak Berusia 2, 3 dan 4 Tahun, *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II*, Jld. XX, (Dis) ISSN 1511 5828, 40-50. https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/60658770/23._JT07-_ZAINIAH_MOHAMED_ISA20190920-47792-y2tvbd.pdf?1569034564=&response-content-disposition=inline%3B+filename%3DPencapaian_Kemahiran_Literasi_Awal_Kanak.pdf (13 November 2020)
- Jamian, A. R. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah di Luar Bandar, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), (Mei), 1-12. ISSN: 2180-4842. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/19> (01 November 2020)
- Jelas, Z. M. (2009). Pendidikan Inklusif dan Murid Berkeperluan Khas. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Murid-Murid Berkeperluan Khas. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dasar Pendidikan Kebangsaan. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khutty, K. A. R. M. (2006). Mengapa Kanak-kanak Sukar Belajar?. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd. Batu Caves, Selangor.

- Kim, Y. S., Petscher, Y., & Foorman, B. (2015). The Unique Relation of Silent Reading Fluency to end-of-Year Reading Comprehension: Understanding Individual Differences at the Student, Classroom, School, and District Levels. *Reading and Writing*, 28(1), 131–150. <https://doi.org/10.1007/s11145-013-9455-2> (23 Desember 2020)
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi ke-7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuhn, M. R., Schwanenflugel, P. J., Meisinger, E. B., Levy, B. A., & Rasinski, T. V. (2010). Aligning Theory and Assessment of Reading Fluency: Automaticity, Prosody, and Definitions of Fluency. *Reading Research Quarterly*, 45(2), 230–251. <https://doi.org/10.1598/rrq.45.2.4> (19 Desember 2020)
- Lim, C. H. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. McGraw-Hill Education. <http://malcat.uum.edu.my/kip/Record/umt.0000063143> (14 Mac 2020)
- Mancilla-Martinez, J., & Lesaux, N. K. (2010). Predictors of Reading Comprehension for Struggling Readers: The Case of Spanish-speaking Language Minority Learners. *Journal of Educational Psychology*, 102(3), 701–711. <https://doi.org/10.1037/a0019135> (19 Desember 2020)
- Masran, M. N., & Kasim, A. H. A. (2014). Keberkesanan Kaedah Belajar Sambil Main dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Lisan dalam Kalangan Murid-murid Bermasalah Pembelajaran. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)* ISSN 2289-3180, 3, 79-95.
https://www.academia.edu/30355770/Keberkesana_Kaedah_Belajar_Sambil_Main_Dalam_Meningkat_Kemahiran_Membaca_Lisan_Dalam_Kalangan_Murid_Murid_Bermasalah_Pembelajaran (28 Mac 2020)
- Meisinger, E., Bloom, J. S., & Hynd, G. W. (2010). Reading Fluency: Implications for the Assessment of Children with Reading Disabilities. *Annals of Dyslexia*, 60(1), 1–17. <https://doi.org/10.1007/s11881-009-0031-z> (23 Desember 2020)
- Monnas, L. (2018). Teknik “Suku Kata Tapak Tangan” dalam Membantu Meningkatkan Kemahiran Suku Kata KVKV dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah, *Selangor Humaniora Review*, 2(1), (Jun), 1-8, <http://share.journals.unisel.edu.my/ojs/index.php/share/article/view/53/9> Published by UNISEL Press. (13 November 2020)
- Morrison, G. S. (2009). *Early Childhood Education Today* (11th Edition). University of North Texas. [myeducationlab. https://www.pearson.com/us/higher-education/product/Morrison-Early-Childhood-Education-Today-11th-Edition/9780135010525.html](https://www.pearson.com/us/higher-education/product/Morrison-Early-Childhood-Education-Today-11th-Edition/9780135010525.html) (13 Mei 2020)
- Musti-Roa, S., Hawkins, R. O., & Barley, E. A. (2009). Effects of Repeated Readings on the Oral Reading Fluency of Urban Fourth-Grade Students. Implications for Practice. *Preventing School Failure*, September, 54(1), 12-23. [.https://www.researchgate.net/profile/Shobana_MustiRao/publication/240241428_Effects_of_Repeated_Readings_on_the_Oral_Reading_Fluency_of_Urban_FourthGrade_Students_Implications_for_Practice/links/557f096f08aec87640ddf426/Effects-of-Repeated-Readings-on-the-Oral-Reading-Fluency-of-Urban-Fourth-Grade-Students-Implications-for-Practice.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Shobana_MustiRao/publication/240241428_Effects_of_Repeated_Readings_on_the_Oral_Reading_Fluency_of_Urban_FourthGrade_Students_Implications_for_Practice/links/557f096f08aec87640ddf426/Effects-of-Repeated-Readings-on-the-Oral-Reading-Fluency-of-Urban-Fourth-Grade-Students-Implications-for-Practice.pdf) (31 Desember 2020)
- Oslund, E. L., Clemens, N. H., Simmons, D. C., & Simmons, L. E. (2018). The Direct and Indirect Effects of Word Reading and Vocabulary on Adolescents’ Reading

- Comprehension: Comparing Struggling and Adequate Comprehenders. *Reading and Writing*, 31(2), 355–379. <https://doi.org/10.1007/s11145-017-9788-3> (19 Desember 2020)
- Overton, T. (2012) *Assessing Learners with Special Needs an Applied Approach* (7th Eds). United States of America: Pearson.
- Paleczek, L., Seifert, S., & Gasteiger-Klicpera, B. (2017). Influences on Teachers' Judgment Accuracy of Reading Abilities on Second and Third Grade Students: A Multilevel Analysis. *Psychology in the Schools*, 54(3), 228–245. <https://doi.org/10.1002/pits.21993> (23 Desember 2020)
- Puteh, S. N. & Aliza Ali, A. (2011). Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi Bagi Pendidikan Prasekolah, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, ISSN: 2180-4842, 1(2), (Nov), 1-15, http://journalarticle.ukm.my/3179/1/1-16_Artikel_1_Sharifa_Nor_dan_Aliza.pdf (10 November 2020)
- Reed, D. K., & Vaughn, S. (2012). Retell as an Indicator of Reading Comprehension. *Scientific Studies of Reading*, 16(3), 187–217. <https://doi.org/10.1080/10888438.2010.538780> (23 Desember 2020)
- Saad, Z. M., & Said, N. S. (2015). Konsep Makna Kata dalam Kalangan Kanak-kanak Berdasarkan Lakaran Visual 2D dan 3D Terpilih, *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 2, 61-73. Penerbit Universiti Malaysia Pahang, <https://journal.ump.edu.my/ijleal/article/view/464/82> (23 November 2020)
- Setyawan, A. B. (2010). Aspek Neurologis Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD). Bagian Psikiatri, Dosen Fakultas kedokteran Universitas Wijaya kusuma Surabaya, <http://elib.fk.uwks.ac.id> (3 September 2019)
- Soodla, P., Tammik, V., & Kikas, E. (2019). Is Part-time Special Education Beneficial for Children at Risk for Reading Difficulties? An Example from Estonia. *Dyslexia*, 1–25. <https://doi.org/10.1002/dys.1643> (23 Desember 2020)
- Tan, M. M. Y. (2012). Kesan Penggunaan Aktiviti “Hands on” dalam Proses Pembelajaran Sains Tahun 4. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL, 180-194. <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/SN/15.%20%20MAR%20Y%20TAN%20MUI%20YEE.pdf> (11 Desember 2020)
- Virinkoski, R., Lerkkanen, M.K., Eklund, K., & Aro, M. (2020). Special Education Teachers' Identification of Students' Reading Difficulties in Grade 6, *Scandinavian Journal of Educational Research*, 1-14. <https://doi.org/10.1080/00313831.2020.1833241> (18 Desember 2020)
- Wagner, D. L., & Espin, C. A. (2015). The Reading Fluency and Comprehension of Fifth-and Sixth-grade Struggling Readers Across Brief Tests of Various Intervention Approaches. *Reading Psychology*, 36(7), 545–578. <https://doi.org/10.1080/02702711.2014.927812> (23 Desember 2020)
- Zain, A. (2010). Penggunaan Bacaan Berulang Dapat Mempertingkatkan Kelancaran dan Kefahaman dalam Kalangan Kanak-kanak Pra Sekolah, *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education, Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November*, 312-320. http://file.upi.edu/Direktori/Proceeding/UPI-UPSI/2010/Book_2/Penggunaan_Bacaan_Berulang_Dapat_Mempertingkatkan_Kelancaran_Dan_Kefahaman_Dalam_Kalangan_Kanak-kanak_Prasedkolah.PDF (11 November 2020)